

7 FEB 1996

Mahathir - KWSP

DIVIDEN KWSP MUNGKIN RENDAH BERBANDING 1994

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mungkin memperolehi dividen tahun lepas kurang daripada lapan peratus seperti tahun sebelumnya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengeluaran dividen sebenarnya bergantung kepada pelaburan oleh KWSP.

Katanya, walaupun pencapaian ekonomi menampakkan peningkatan, namun itu tidak bermakna semua pihak memperolehi keuntungan tinggi.

Beliau memberitahu demikian kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan Hari Raya kepada anak-anak yatim Islam Wilayah Persekutuan, di sini malam ini.

"Jika KWSP menggunakan simpanannya atau modalnya untuk tujuan pembayaran dividen, itu adalah satu cara untuk kerugian wang, "kata Perdana Menteri.

"Kita ada had membenarkan KWSP melabur dalam sektor awam, malah kita membenarkan KWSP mengeluarkan pinjaman kepada pihak tertentu termasuk kerajaan. Kerajaan pula dikenakan bayaran faedah cukup tinggi walaupun pinjaman yang diperolehi di bawah kadar pasaran," katanya.

Katanya, KWSP tidak boleh menetapkan dividen pada kadar lapan peratus setiap tahun kerana itu dianggap salah.

"Jika kita tetapkan dividen, itu salah dan bukan dividen tetapi dianggap faedah. Kita juga tahu orang Islam tidak terima faedah, " katanya. "Kita tidak tahu jumlah dividen tahun lepas yang hendak dikeluarkan tetapi kemungkinan ia rendah tetapi lebih baik orang ramai terutama pencarum faham bayaran yang dikeluarkan itu dividen bukan faedah," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai mesyuarat Rancangan Malaysia Ketujuh Jumaat ini, Dr Mahathir berkata di bawah rancangan pembangunan itu, kerajaan akan menukar strategi dan dasar pembangunan negara yang dibuat pada tahun 1960-an dan 1970-an.

"Dasar dan strategi dahulu berbeza kerana pada masa itu kita negara pertanian tetapi sekarang kita negara yang ekonominya berasaskan perindustrian," katanya.

Mengenai dakwaan ahli ekonomi bahawa bank di Malaysia menghadapi saingan hebat dengan bank asing, Dr Mahathir berkata bank kecil digalakkan bergabung di kalangan mereka bagi menghadapi saingan dengan bank asing yang besar apabila sistem perbankan dibuka kepada pasaran luar nanti.

Katanya, penggabungan bank-bank kecil berlaku di mana-mana seperti di Jepun dan Amerika bagi mempunyai daya saing.

Terdahulu, semasa berucap, Dr Mahathir berkata, keadaan aman di negara ini ialah faktor yang membolehkan pelabur dan peniaga mencari keuntungan.

Katanya, rakyat harus memupuk hubungan harmoni bagi membolehkan mereka hidup dalam keadaan aman tanpa huru-hara.

"Melalui perpaduan juga, rakyat mampu meraikan perayaan serentak seperti Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidil Fitri tahun ini, "katanya.

Sebanyak 398 anak yatim dari Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan menerima bantuan yang disampaikan oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali. -- BERNAMA.